

UUM ONLINE: Atlit Boling Padang Universiti Utara Malaysia (UUM) Abdul Rais Mohamad Mokhtar (dalam gambar) mengucapkan selamat berjuang kepada pasukan sukan universiti ini yang akan menyertai Sukan Staf antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia ke 36 di Universiti Teknikal Melaka mulai 7 hingga 18 Julai depan.

"Saya mendoakan kejayaan pasukan UUM dalam kejohanan itu nanti , " katanya ketika ditemui di Wad CCU Hospital Tuanku Fauziah Kangar tengahari tadi.

Beliau yang telah berkhidmat dengan universiti ini sejak 1984 dimasukkan ke wad itu kerana diserang sakit jantung ketika sedang menjalani latihan boling padang di Kangar petang Isnin lalu.

Kini beliau sedang mendapatkan rawatan di Hospital itu.

Habis.

=====
DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my